

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH
BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah yang telah disediakan dan didirikan bagi tempoh 2018 hingga 2020 terkini kepada golongan muda dan rakyat berpendapatan rendah (B40) oleh KPKT melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki, Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) 2020 Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan bilangan yang mendapat manfaat dari inisiatif pembiayaan perumahan oleh Kerajaan di bawah LPPSA, SRP dan skim fleksi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2018 hingga 30 September 2020, sebanyak 21 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang melibatkan sejumlah 8,957 unit rumah telah siap dibina di seluruh negara. Perumahan PPR ini memberi manfaat kepada isi rumah dari golongan B40 berpendapatan RM3,000 sebulan ke bawah termasuk golongan muda yang layak.

2. Berdasarkan statistik Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di seluruh Malaysia dari tahun 2018 sehingga kini (tahun 2020), seramai **5,154** orang yang terdiri daripada golongan belia dan yang berpendapatan rendah (B40) telah menerima manfaat daripada program ini. Perincian statistik tersebut adalah seperti jadual di bawah :

Bil.	Negeri	Jumlah RMR yang telah siap dibina
1	Terengganu	662
2	Kelantan	955
3	Pahang	507
4	Perak	602
5	P. Pinang	75
6	Kedah	316
7	Perlis	249
8	Selangor	158
9	N. Sembilan	300
10	Melaka	130
11	Johor	848
12	WPKL / Putrajaya	1
13	Sabah	88
14	Sarawak	261
15	WP Labuan	2
	Jumlah	5,154

NO SOALAN : 22

3. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Kementerian Kewangan, sejumlah 81,777 peminjam dalam kategori B40 telah diluluskan pembiayaan LPPSA. Pecahan peminjam LPPSA bagi tahun 2018 hingga September 2020 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Peminjam (B40) Yang Telah Diluluskan dan Aktif	Bilangan Peminjam Yang Telah Diluluskan Dan Aktif	Peratus Peminjam B40 (%)
	(A)	(B)	(A/B)
2018	34,114	47,921	71.19
2019	35,011	50,097	69.89
2020 (Sehingga September)	12,652	24,349	51.96
Jumlah	81,777	122,367	66.83

4. Manakala bagi Skim Rumah Pertamaku (SRP) oleh Cagamas, sejak dilancarkan pada tahun 2011 sehingga Ogos 2020, sebanyak 42,415 permohonan yang bernilai RM9,172 juta telah diluluskan di bawah skim ini.

5. Seterusnya, Skim Pembiayaan Fleksibel atau dikenali sebagai Skim Special PR1MA End-Financing (SPEF) telah dilaksanakan oleh Perbadanan PR1MA bertujuan untuk membantu golongan M40 yang layak. Setakat ini, 116 pembeli telah mendapat manfaat daripada program tersebut. Walau bagaimanapun, skim ini telah dihentikan sejak hujung bulan September 2019.

Sekian, terima kasih.